



## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

---

### **MEMPELAWA PERMOHONAN UNTUK MENJADI ANGGOTA TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH DAN ANGGOTA TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA**

Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata membuka peluang untuk calon-calon yang berminat dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) sepertimana diperuntukkan di bawah perenggan 16c (1)(b) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] dan anggota Tribunal Pengurusan Strata sepertimana diperuntukkan di bawah perenggan 103 (1) (b), Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Calon adalah dipelawa dalam kalangan:

- i) Orang yang merupakan anggota atau yang pernah memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
- ii) Peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166] yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada 7 tahun.

Selain daripada itu, individu yang memohon perlu memenuhi kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:

- i) mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang litigasi sivil, terutama dalam bidang perumahan dan pengurusan strata;
- ii) mempunyai kelenturan dalam masa dan beban tugas supaya Presiden boleh memberikan tarikh lapang yang mencukupi untuk pendengaran kes di TPPS;
- iii) mempunyai fleksibiliti untuk bertugas di luar kawasan pejabat; dan
- iv) bersetuju untuk mematuhi arahan TPPS khususnya mengenai KPI yang ditetapkan.

Permohonan untuk menjadi Anggota Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah atau Anggota Tribunal Pengurusan Strata hendaklah dikemukakan beserta *resume* lengkap dan **sampai selewat-lewatnya pada 30 Mac 2018** ke Tribunal di [tribunal@kpkt.gov.my](mailto:tribunal@kpkt.gov.my) atau ke alamat:

**Pengerusi  
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan  
Aras 4, No. 51, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya**

Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani satu temuduga dan akan dilantik sekiranya berjaya dalam temuduga tersebut manakala calon yang tidak menerima sebarang maklumbalas dari Tribunal berhubung dengan permohonan atau keputusan temuduga adalah dianggap tidak berjaya. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dibuat semula selepas setahun dari tarikh permohonan ini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Mohammad Firdaus Norrzuan di talian 03-8891 4750 / emel ke [firdausn@kpkt.gov.my](mailto:firdausn@kpkt.gov.my) atau Cik Stephanie Boo Chuling di talian 03-8891 4753 / emel ke [stephanie@kpkt.gov.my](mailto:stephanie@kpkt.gov.my).